

14 JUL 2002

Mahathir-Maki

DR MAHATHIR SEDIH NIK AZIZ PERTAHAN PERBUATAN MAKI HAMUN

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini menyatakan rasa dukacitanya dengan sikap Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sanggup mempertahankan perbuatan pemimpin parti itu Mohamad Sabu memaki hamun anggota Umno sedangkan ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

"Saya hairan seorang yang dakwa dirinya ulamak dan ahli agama membiarkan orang maki hamun, mencarut dan macam-macam...saya rasa sedih.

"Bila (anggota Parlimen Sik Datuk) Shanon Ahmad mencarut dia (Nik Aziz) mempertahankan. Bila Mat Sabu maki hamun dia pertahankan...jadi apa budaya pemimpin PAS ini?" persoal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan Le Tour de Langkawi (LTdL) 2002 dan pelancaran LTdL 2003 di sini.

Beliau diminta mengulas tindakan Nik Aziz membela Mohamad Sabu, yang juga anggota Parlimen Kuala Kedah, memaki hamun anggota Umno.

Dr Mahathir menyifatkan perbuatan memaki-hamun itu dipromosikan oleh para pemimpin PAS sendiri untuk memancing undi termasuk pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah.

Beliau berkata perbuatan itu untuk tujuan politik semata-mata dan bukan untuk menyatakan mengenai "perbuatan tidak baik" yang dilakukan oleh anggota Umno terhadap PAS seperti yang didakwa Nik Aziz.

"Saya tak tahulah kalau orang (anggota Umno) buat tak baik...bagi taulah perkara yang tak baik (itu). Kalau dia maki (kononnya) tentu ada benda tak elok, apa yang tak elok...apa sebab?

"Semua yang PAS buat adalah untuk politik...tak ada satu pun yang PAS buat yang tidak untuk pancing undi," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan rasa hairan mengapa PAS menggunakan isu kononnya penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah akan menghakis kedaulatan Bahasa Melayu sedangkan pemimpin parti itu pernah mengatakan bahawa hak keistimewaan orang Melayu akan dihapuskan jika mereka berkuasa.

"Saya tak tahu apa sebabnya PAS pertahankan Bahasa Melayu, sedangkan PAS (pernah) kata kalau mereka berkuasa (mereka) nak hapuskan hak keistimewaan orang Melayu."

"Hadi (Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang) sendiri kata kalau dia (PAS) berkuasa, (ia) nak hapuskan hak keistimewaan orang Melayu," katanya.

Mengenai tindakan anggota PAS yang menghalang anggota pergerakan Pemuda dan Puteri Umno berkempen, Dr Mahathir berkata "itu untuk rakyat buat penilaian. Kalau rakyat menyokong orang yang buat kerja tak baik ...kita dapat yang tak baik."

Mengenai peluang BN merampas kerusi Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit, Perdana Menteri berkata BN mempunyai peluang baik tetapi semua anggota parti komponen perlu bekerja dengan lebih keras lagi.

-- BERNAMA

AKT ZS RON